

## **KAJIAN ANALISIS BERDASARKAN TREND PERMINTAAN DAN PENYERTAAN KURSUS PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH) DI KOLEJ KOMUNITI LEDANG**

**Ayubkhan Abdul Kadir\*, Zurani Buang dan Omar Anuar**

*Kolej Komuniti Ledang*

\*Pengarang Perantara : [ayubkhan@lecturer.kklej.edu.my](mailto:ayubkhan@lecturer.kklej.edu.my)

### **Abstrak**

Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) adalah pendekatan pembelajaran yang penting untuk memenuhi keperluan pendidikan dan latihan sepanjang hayat bagi komuniti setempat. Kolej Komuniti Ledang (KKLJ) telah menunjukkan prestasi cemerlang Persist *POLICC Sistem Performance Sysem* dalam penyertaan kursus PSH bagi tiga tahun berturut-turut. Walau bagaimanapun, analisis bertulis terhadap kluster bidang yang mempengaruhi pencapaian penyertaan kursus PSH masih belum dilakukan. Satu kajian telah dibangunkan bertujuan untuk menganalisis trend permintaan dan penyertaan kursus PSH di KKLJ. Instrumen kajian ialah pemerhatian data dari pelaporan kursus PSH yang diperolehi melalui sistem ePSH. Objektif kajian ini untuk mengkaji trend permintaan mengikut kluster kursus PSH yang ditawarkan di KKLJ dan Mengenal pasti kursus PSH yang popular di KKLJ. Dapatan kajian dibantu oleh perisian *Microsoft Excel* untuk menghasilkan graf perbandingan kluster di mana kluster bagi catering dan sajian iaitu pastri di KKLJ mendapat 40.20 peratus manakala kluster yang lain peratusan di bawah 9.00 peratus. Melalui kajian ini, diharapkan pemahaman yang lebih mendalam dapat diperolehi mengenai permintaan dan penyertaan kursus PSH serta faktor-faktor yang mempengaruhinya. Hasil kajian ini akan memberikan panduan kepada pihak pengurusan dalam meningkatkan permintaan dan penyertaan kursus PSH, serta memberi implikasi kepada pengurusan kursus PSH di KKLJ.

**Kata kunci:** Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH), Kursus, Kolej Komuniti Ledang, Trend Permintaan

## 1.0 Pengenalan

Pada tahun 2007, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) telah melancarkan Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Nasional Melangkaui 2020 (PSPTN 2020). Terdapat tujuh 'Teras' pembangunan di mana Teras Keenam memfokuskan pada pembangunan agenda pembelajaran sepanjang hayat (PSH) di negara ini. Dua objektif utama, iaitu memastikan bahawa PSH menjadi cara hidup rakyat Malaysia, dan menjadikannya pemangkin untuk mewujudkan komuniti yang belajar secara berterusan (Ministry of Higher Education, 2007). Kolej komuniti berperanan sebagai hub PSH nasional, menawarkan kursus-kursus yang fleksibel dan relevan dengan keperluan setempat.

Sesuai dengan misi penubuhan Kolej Komuniti adalah “membangun komuniti setempat sebagai tenaga kerja berpengetahuan dan terlatih untuk memenuhi tuntutan dunia pekerjaan melalui Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional dan Pembelajaran Sepanjang Hayat” (Garis Panduan Pelaksanaan Program PSH Kolej Komuniti, Edisi 2017). PSH dijalankan melalui kursus pendek yang ditawarkan dan dilaksanakan dalam pelbagai bidang atau kluster. Kursus yang banyak mendapat permintaan daripada komuniti adalah dalam kluster hospitaliti (Syahrir et al. 2011).

Kolej Komuniti Ledang Johor (KKLJ) berada di daerah Tangkak, Johor, terdapat 22 kluster kursus yang boleh disertai iaitu katering, keusahawanan, teknologi maklumat, automotif, bahasa, keagamaan, multimedia, sains kesihatan, pembangunan diri, bangunan, sains & matematik, kecantikan, elektrik, kraftangan, jahitan, program industri, teknologi agro, pelancongan, seni kreatif, akuakultur, kebudayaan dan teknologi hijau.

Pernyataan masalah dari pemerhatian pengkaji, terdapat ketidakseimbangan dalam kluster kursus PSH di Kolej Komuniti Ledang. Masalah ini disebabkan oleh beberapa faktor, termasuk pengurusan sumber manusia dan peruntukan atau bajet Selain itu, keadaan ekonomi yang tidak stabil dan kos sara yang meningkat memberi kesan terhadap permintaan kluster kursus.

### 1.1 Objektif Kajian

Kajian ini ingin melihat trend permintaan dan penyertaan kursus mengikut kluster PSH yang ditawarkan di KKLJ.

Secara khususnya kajian ini bertujuan

- 1.1 Mengkaji trend permintaan dan penyertaan kursus mengikut kluster kursus PSH yang ditawarkan di KKLJ.
- 1.2 Mengenal pasti kursus PSH yang popular di KKLJ.

## 2.0 Sorotan Kajian

Kajian juga menunjukkan bahawa masyarakat pada abad ke 21 akan memiliki ilmu pengetahuan sangat tinggi dalam pelbagai bentuk pengajian. Jika dilihat pada kajian yang telah dilakukan ini, ianya sesuatu yang realistik apabila kemunculan lebih ramai kelompok masyarakat yang memiliki sijil pendidikan tertinggi melalui tiga sektor iaitu pentadbiran, perniagaan dan sektor sosial dapat dilihat pada masa kini (Hairani, 2018). Kanwar et al.

(2019), melihat PSH merupakan salah satu cara dalam meningkatkan kemahiran pekerja dan menjana ekonomi negara.

Kolej Komuniti (KK) telah ditubuhkan melalui Memorandum No. 398/2225/00 yang dikemukakan oleh Menteri Pendidikan kepada Jemaah Menteri pada 5 Julai 2000. 12 buah kolej komuniti rintis telah mula beroperasi pada tahun 2001. Pada tahun 2004, Kabinet telah bersetuju menjadikan kolej komuniti sebagai Hab Pembelajaran Sepanjang Hayat.

Kajian menunjukkan bahawa penyertaan dalam PSH di Malaysia dipengaruhi oleh pelbagai faktor, termasuk motivasi individu, sokongan institusi, dan dasar kerajaan. Sebagai contoh, hasil bengkel Pembangunan Pelan Induk PSH Malaysia 2021 menunjukkan bahawa PSH meliputi pembelajaran formal, bukan formal, dan tidak formal yang saling melengkapi (Berita UTHM 2023).

Pembelajaran formal merangkumi kurikulum berstruktur di universiti, politeknik, dan kolej yang menghasilkan pengiktirafan formal seperti diploma dan ijazah. Pembelajaran bukan formal pula melibatkan latihan, seminar, dan persidangan, manakala pembelajaran tidak formal berlaku dalam kehidupan seharian seperti di tempat kerja dan komuniti (BERNAMA 2023).

Secara keseluruhannya, PSH adalah elemen kritikal dalam pembangunan individu dan masyarakat. Kajian menunjukkan bahawa penyertaan dalam PSH dipengaruhi oleh pelbagai faktor termasuk motivasi individu, sokongan institusi, dan dasar kerajaan. Untuk memaksimumkan manfaat PSH, adalah penting untuk mengatasi halangan kepada penyertaan dan menyediakan peluang pembelajaran yang berkualiti tinggi dan relevan kepada semua golongan.

### **3.0 Metodologi Kajian**

Pendekatan kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif, iaitu menggunakan teknik pemerhatian dan data sumber sekunder berbentuk data rekod kursus PSH yang dijanakan melalui sistem ePSH, data kajian dikumpul dan disusun tahun 2021 sehingga 2023 dan data ini disimpan dalam bentuk *Microsoft Excel*, supaya pengiraan matematik dan paparan graf mudah dibangunkan dengan lebih cepat. Sampel dia ambil adalah 100 peratus dari data bilangan peserta yang menyertai kursus dari tahun 2021 sehingga 2023.

**Jadual 1 : Input Kajian**

BIL.	KLUSTER	JUMLAH PESERTA			JUMLAH KESELURUHAN	PERATUSAN (%)
		2021	2022	2023		
1	KATERING DAN SAJIAN	1161	1488	1669	4318	40.20
2	KOMPUTER DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT	199	379	374	952	8.86
3	PERNIAGAAN DAN KEUSAHAWANAN	411	105	370	886	8.25
4	BANGUNAN	203	494	112	809	7.53
5	KENDERAAN DAN AUTOMOTIF	166	222	221	609	5.67
6	BAHASA	93	433	41	567	5.28
7	KEROHANIAN DAN KEAGAMAAN	63	140	316	519	4.83
8	GRAFIK DAN MULTIMEDIA	326	48	0	374	3.48
9	SAINS KESIHATAN	68	26	263	357	3.32
10	PEMBANGUNAN DIRI/MOTIVASI	21	202	148	371	3.45
11	SAINS & MATEMATIK	71	151	26	248	2.31
12	KECANTIKAN DAN DANDANAN	61	153	19	233	2.17
13	ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK	31	82	62	175	1.63
14	KRAFTANGAN DAN HIASAN DALAMAN	55	53	49	157	1.46
15	JAHITAN DAN PAKAIAN	49	68	0	117	1.09
16	PROGRAM INDUSTRI	0	0	27	27	0.25
17	TEKNOLOGI AGRO	0	0	21	21	0.20
18	HOSPITALITI DAN PELANCONGAN	0	0	0	0	0.00
19	SENI KREATIF	0	0	0	0	0.00
20	AKUAKULTUR	0	0	0	0	0.00
21	KESENIAN DAN KEBUDAYAAN	0	0	0	0	0.00
22	TEKNOLOGI HIJAU	0	0	0	0	0.00

### 3.0 Analisa dan Perbincangan

Rajah 1 di bawah menunjukkan data penyertaan adalah sebanyak 2978 orang peserta pada tahun 2021. Bilangan peserta lelaki seramai 1029 orang peserta (35%) dan peserta perempuan seramai 1949 orang peserta (65%). Namun, jumlah ini meningkat pada tahun 2022 seramai 4044 orang peserta, dengan bilangan peserta lelaki seramai 1718 orang peserta (42%) dan peserta perempuan seramai 2326 orang peserta (58%). Walau bagaimanapun, pada tahun 2023 dilihat trend penyertaan adalah menurun iaitu seramai 3718 orang peserta dengan bilangan peserta lelaki seramai 1662 orang peserta (45%) dan peserta perempuan seramai 2056 orang peserta (55%).




**Rajah 1** : Perbandingan jumlah peserta lelaki dan perempuan

Rajah 2 graf di bawah menunjukkan peratusan jumlah keseluruhan peserta PSH mengikut kluster kursus bagi tahun 2021 sehingga 2023. Katering dan sajian 42.20% perniagaan dan keusahawan 8.25%, komputer dan teknologi maklumat 8.86%, kenderaan dan automotif 5.67%, bahasa 5.67%, kerohanian dan keagamaan 4.83%, grafik dan multimedia 3.48%, sains kesihatan 3.32%, pembangunan diri dan motivasi 3.45%, bangunan 7.53%, sains & matematik 2.31%, kecantikan dan dandan 2.17%, elektrik dan elektronik 1.63%, kraftangan dan hiasan dalaman 1.46%, jahitan dan pakaian 1.09%, program industri 0.25% dan teknologi agro 0.25% , manakala hospitaliti dan pelancongan, seni kreatif, akuakultur, kesenian dan kebudayaan dan teknologi hijau pada 0%.

Kluster katering dan sajian dilihat 30 peratus penyertaan melebihi kluster-kluster yang lain yang iaitu kurang dari 9 peratus. Ini menunjukkan komuniti setempat lebih gemar menghadiri kursus dalam kluster katering



dan sajian.



Rajah 2 : Peratusan jumlah peserta kursus PSH mengikut kluster

#### 4.0 Rumusan dan Cadangan

Berdasarkan hasil kajian, trend permintaan dan penyertaan kursus PSH di Kolej Komuniti Ledang dalam kluster katering dan sajian di unit pastri adalah paling tinggi dengan seramai 4318 orang peserta keseluruhan. Oleh itu, Kajian analisis ini dapat membantu pihak pengurusan Kolej Komuniti Ledang untuk mengurus kewangan, sumber manusia dan pembelian aset yang diperuntukkan kelak dengan lebih teliti dan seimbang supaya unit pastri dapat merancang aktiviti kursus PSH dapat dijalankan dengan lebih baik sepanjang tahun.

Pengkaji mencadangkan satu kajian akan datang berkenaan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi kluster katering dan sajian iaitu yang menjadi tumpuan utama komuniti setempat di Kolej Komuniti Ledang.

#### Rujukan

- Ali, A. (2015). *The role of lifelong learning in human capital development: The Malaysian Blueprint*. In: ASEM Lifelong Learning Hub Forum. Bali, Indonesia.
- Dewan Masyarakat. (2023). Pembelajaran Sepanjang Hayat Melahirkan Modal Insan Berkualiti. dari [dewanmasyarakat.jendeladbp.my](http://dewanmasyarakat.jendeladbp.my) ([Dewan Masyarakat](http://dewanmasyarakat.jendeladbp.my)).
- Berita UTHM. (2023). Pembelajaran Sepanjang Hayat lahirkan generasi berdaya saing. dari [news.uthm.edu.my](http://news.uthm.edu.my) ([UTHM News](http://news.uthm.edu.my)).

- BERNAMA. (2023). Tinta Minda BERNAMA - *Pembelajaran Sepanjang Hayat Lahirkan Generasi Berdaya Saing*. dari [www.bernama.com](http://www.bernama.com) (BERNAMA).
- Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti. (2017). *Garis Panduan Pelaksanaan Program PSH di Kolej Komuniti*. Kolej Komuniti KPT.
- Mohd Salleh, S., Ngarisan, N. A., & Mohd Noor, R. (2016). *Faedah Penyertaan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Kepada Warga Emas: Kajian Terhadap Peserta University Of The Third Age (U3A) Di Kolej Komuniti Hulu Langat*. Selangor: Kolej Komuniti Kuala Langat.
- Subramaniam, S. R. (2012). *Lifelong learning programmes for sustainable development*. *The Asia Pacific Education Researcher*, 3 (21), ms.625–635.
- Syarifah Masitah, S. S., Fadzillah, M. Y., & Nordin, S. (2014). *Tinjauan Kursus Pendek Kolej Komuniti Pasir Gudang Terhadap Golongan Tahfiz di Kawasan Pasir Gudang*. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 39(2),ms.71-80.
- Ting, S.-H. (2015). *Lifelong learning for personal and professional development in Malaysia*. *Catalyst*, 12 (2), ms.6–23.